

**Janji Pembangkang Untuk Hapus Undang-Undang Berkaitan Media Tidak Praktikal Bernama**  
**22 Mac, 2013**  
**Oleh Kisho Kumari Sucedam**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Janji pembangkang dalam manifesto mereka untuk menghapuskan semua undang-undang berkaitan media massa adalah tidak praktikal untuk dilaksanakan, kata pakar dan pengamal media.

Jika ini dilakukan pelbagai fitnah dan tohmahan mudah dilemparkan kerana tiada lagi undang-undang yang mengikat penyebaran maklumat selain etikaewartawanan tidak lagi bermakna dan pemilikan media massa oleh pihak asing yang berniat jahat terhadap negara juga mungkin berleluasa.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI) Datuk Chamil Wariya berkata undang-undang menjadi satu keperluan bagi mendokong aspirasi nasional... termasuklah yang mengatur dan bukan mengekang kebijaksanaan media massa, yang selama ini membolehkan Malaysia muncul sebagai negara yang tertib dan harmoni, aman dan makmur.

"Malah Amerika Syarikat, Eropah dan Britain juga ada undang-undangnya. Kerajaan Britain juga nak tubuhkan perundangan baharu untuk menjamin media tidak menyalahgunakan kebebasan," katanya kepada Bernama.

Katanya kebebasan media memang perlu ada dalam sesebuah negara, tetapi pada masa yang sama perlu dipastikan kebebasan itu tidak mengancam keselamatan, keamanan dan persefahaman dalam masyarakat majmuk seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata media massa di Malaysia sekarang sememangnya menikmati kebebasan yang dapat dilihat dengan kenunculan portal berita, blog, akhbar pembangkang yang sebahagian besarnya hanya mengecam usaha-usaha mensejahterakan rakyat yang dilakukan oleh kerajaan.

Chamil juga menganggap janji pembangkang itu hanya gimik kerana hakikatnya kebebasan media telah diberikan apabila kerajaan menghapuskan syarat pembaharuan lesen akhbar yang sebelum ini wajib dibuat setiap tahun melalui Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Penolong Ketua Pengarang akhbar Utusan Malaysia Datuk Zaini Hassan pula menyifatkan janji pembangkang untuk menghapuskan undang-undang yang menyekat kebebasan media sebagai melucukan kerana hakikatnya merekamemberi pelbagai tekanan kepada media arus perdana.

"Kita terpaksa menghadapi pelbagai tekanan dari segi tindakan mahkamah, kebebasan untuk wartawan bergerak, membuat liputan, mendapatkan maklumat dalam sidang akhbar. Tidakkah ini menimbulkan persoalan apakah sebenarnya dimaksudkan dengan kebebasan media yang mereka uar-uarkan?" katanya.

Katanya kebebasan media yang diberikan di negara ini jauh lebih baik jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain.

"Singapura dan China juga ada sekatan, lebih sekatan tetapi ia tidak berlaku di Malaysia...kita patut bersyukur. Malangnya pihak pembangkang menggunakan media sosial untuk menyerang dan selalu bertindak apabila mereka tidak puas hati terhadap fakta yang disiarkan.

"Kalau kita lihat, mereka juga sering mengutuk kerajaan semasa tetapi tiada tindakan diambil oleh kerajaan jika dibandingkan dengan sikap pembangkang itu.

Jadi soalan saya, apakah acuan yang ingin dibawa oleh mereka?," katanya yang berpengalaman selama 25 tahun dalam bidangewartawan.

Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dr Siti Zabedah Mohd Shariff pula berkata media perlu mempunyai kawalan tertentu untuk kebaikan negara dan masyarakat.

"Kita tidak boleh menyiarkan sesuatu berita tanpa 'gatekeepers' sebab sesetengah berita boleh menimbulkan perselisihan besar antara kaum.

Jadi apa yang dijanjikan oleh pembangkang kemungkinan tidak mampu menjadi realiti.

"Oleh itu, macam mana media mampu berfungsi tanpa garis panduan? Kalau mereka (pembangkang) ingin menghapuskan semua undang-undang yang sedia ada, nanti rakyat mudah dikelirukan dan negara akan menjadi huru-hara," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936478>